

Puas hati dengan tugas yang dilaksanakan oleh Lembaga Disiplin UMNO

PM: Tiada pilih kasih

UM 20 JUN 2001

Oleh ISMAIL DAUD

KUALA LUMPUR 19 Jun — Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menolak dakwaan bahawa lembaga disiplin parti itu bersikap pilih kasih dalam membuat keputusan melibatkan kes-kes politik wang.

Katanya, beliau berpuas hati dengan tugas-tugas yang dilaksanakan oleh Lembaga Disiplin UMNO itu setakat ini.

Menurutnya, memang tidak dapat dinafikan bahawa akan terdapat pihak-pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh lembaga itu.

“Saya terangkan, dalam perkara yang semacam ini, mungkin ada orang yang terlepas, mungkin ada orang yang nasib tidak baik dan dia terperangkap.

“Sistem perundangan negara pun begitu juga, banyak orang yang membunuh tapi tidak semua pembunuh ditangkap,” jelasnya.

Keluhan

Beliau berkata demikian kepada para pemberita selepas menyampaikan amanat dalam Majlis Taklimat Presiden yang diadakan sempena Perhimpunan Agung UMNO ke-55 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Turut hadir ialah Timbalan Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Setiausaha Agung, Tan Sri Khalil Yaakob.

Dr. Mahathir diminta mengulas keluhan dan rasa tidak puas hati beberapa pemimpin UMNO bahagian yang dilucutkan jawatan dan diberikan amaran selepas didapati bersalah melanggar etika parti pada pemilihan bahagian April lalu.

Rasa tidak puas hati itu diluahkan dengan pelbagai cara termasuk mengancam untuk mengambil tindakan mahkamah terhadap parti.

Sabtu lalu, lembaga disiplin itu mengumumkan enam pemimpin bahagian termasuk dua ketua bahagian dilucutkan jawatan kerana didapati terlibat dengan politik wang semasa pemilihan bahagian.

■ Lihat muka 4

PM: Tiada pilih kasih

Selain itu, sembilan pemimpin bahagian lagi diberikan amaran kerana didapati melanggar etika pemilihan.

Sebelum itu iaitu pada 5 Mei lalu, Lembaga Disiplin UMNO telah melucutkan jawatan enam pemimpin bahagian termasuk tiga ketua bahagian.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berkata, biasanya orang yang berasa tidak puas hati adalah mereka yang didapati bersalah atau yang dikenakan tindakan.

“Kalau kita terkena (didapati bersalah), kita berasa tak patutlah,” katanya.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, semua perwakilan kini faham dengan peranan, bidang tugas dan matlamat Lembaga Disiplin selepas diberikan penjelasan oleh beliau hari ini.

“Saya jelaskan (dalam majlis taklimat presiden)

proses menentukan siapa yang bersalah dan tidak bersalah berkaitan politik wang.

“Tak ada pun nampak (orang yang tidak berpuas hati), dia orang (perwakilan) semua terima apa yang saya kata. Adalah yang tak puas hati, memanglah...,” jelasnya.

Ditanya apakah UMNO perlu diberikan nafas baru, Dr. Mahathir berkata, matlamat UMNO sekarang ialah untuk membersihkan parti.

“Saya tidak tahu sama ada kita perlu berikan nafas baru atau tidak. Apa yang kita hendak lakukan ialah untuk membersihkan UMNO,” katanya.

Beliau berkata, segala tindakan Lembaga Disiplin itu sebenarnya bersifat amaran supaya tidak ada pihak yang menggunakan cara yang salah untuk berkempen.

Mengenai cadangan bekas Timbalan Presiden UMNO, Tun Ghafar Baba

supaya tindakan pembersihan parti daripada politik wang merangkumi ahli-ahli Majlis Tertinggi (MT) Dr. Mahathir berkata, perkara itu boleh dilaksanakan.

Katanya, ini kerana ahli-ahli MT dipilih oleh perwakilan dan perwakilan perlu memastikan hanya orang yang bersih sahaja terpilih.

“Cara yang mudah untuk membersihkan MT ialah dengan jangan pilih orang yang tidak bersih.

“Yang ada sekarang ini adalah orang yang dipilih oleh perwakilan, bukan kita yang pilih. Kalau kita tidak suka, awal-awal lagi kita jangan pilih,” tegasnya.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir berkata, ahli Lembaga Disiplin akan ditambah jika keadaan memerlukan tetapi setakat ini, lembaga itu dilihat dapat menjalankan tugas dengan baik.